

## 3<sup>rd</sup> INTERNATIONAL HALAL MANAGEMENT CONFERENCE (3<sup>rd</sup> IHMC 2021)

### Strategi Pengurusan Badan Sokongan Koperasi dalam Melaksanakan Konsep dan Pemahaman Halal dalam Sektor Koperasi di Malaysia

**Muzammil Munajat**

Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business Universiti Utara Malaysia

---

#### Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk merangka tahap keberkesanan dan strategi pengurusan badan sokongan koperasi dalam melaksanakan konsep dan pemahaman halal dalam sektor koperasi di Malaysia. Kertas kerja ini juga memberikan fokus terhadap bidang kuasa agensi penguatkuasa kerajaan terhadap hal-hal berkaitan halal yang berperanan sebagai landasan dalam memberi kesedaran berkaitan konsep halal dalam aktiviti perniagaan koperasi. Perbincangan kertas kerja akan turut menghuraikan isu dan masalah perundangan berkaitan halal yang perlu diterapkan dalam sektor aktiviti perniagaan koperasi. Penglibatan agensi sokongan dan pelaksana serta badan berkanun yang berkaitan garis panduan gerakan sebuah koperasi dilihat mampu untuk memberi impak yang berkesan dalam penghayatan konsep halal *toyyiban*.

*Kata kunci* : halal; koperasi; Ahli Lembaga Koperasi; badan berkanun

---

#### 1. Pendahuluan

Di Malaysia, koperasi sebagai persekitaran sosio-ekonomi yang didaftarkan di bawah Akta 502 (Akta Koperasi 1993) Malaysia. Sejarah koperasi di Malaysia bermula pada tahun 1922 ketika koperasi pertama ditubuhkan di negara ini untuk melindungi kebajikan orang yang tinggal di luar bandar dan juga melindungi mereka dari dieksploitasi (Yacob, et al., 2017). Lebih-lebih lagi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah badan pengawas yang bertanggungjawab terhadap sektor koperasi di negara ini dan sektor ini telah menjadi bahagian penting dalam ekonomi sehingga mempengaruhi kehidupan berjuta-juta orang di negara ini. Sejarang dengan itu, dari hanya 11 koperasi pada tahun 1922, kepada lebih daripada 14,000 (Laporan Interim Statistik Gerakan Koperasi Laporan Prestasi Setengah Tahun 2020, Suruhanjaya Koperasi Malaysia ) koperasi berdaftar di Malaysia dengan lebih daripada 7.5 juta anggota (International Cooperative Alliance ICA, 2019) dan jumlah aset dan perolehan masing-masing bernilai RM 143 dan RM24.6 bilion.

Dalam mendepani cabaran dan isu Halal pada masa kini, sektor koperasi tidak terkecuali dari melibatkan diri dalam pemerikasaan Industri Halal melalui badan sokongan koperasi di Malaysia. Walaubagaimanapun, kajian yang dijalankan berkaitan peranan dan strategi melibatkan badan sokongan koperasi adalah masih rendah. Justeru, beberapa strategi pengurusan yang boleh diadaptasi dan dilaksanakan oleh badan sokongan koperasi dengan mengambil kira data pendaftaran Halal melalui Portal Halal Jakim. Oleh itu, kajian strategi pelaksanaan berkaitan Halal dibuat melalui penulisan ini.

#### 2. Penglibatan Badan Berkanun dan Agensi Penguatkuasa

Selain menjadikan JAKIM sebagai pusat rujukan halal, salah satu agensi di bawah kementerian yang berkaitan dengan gerakan koperasi di Malaysia ialah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui sokongan dari badan-badan gerakan koperasi iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan badan apex koperasi yang mewakili koperasi di Malaysia iaitu Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA), sebagai badan sokongan koperasi yang dirasakan mampu untuk menerajui Industri Halal melalui sektor koperasi selain dapat memberi impak kepada jutaan keanggotaan koperasi di Malaysia khususnya.

##### 2.1 Majlis Profesional Halal

HALAL PROFESSIONAL BOARD (HPB) JAKIM telah ditubuhkan pada 15 Disember 2014 setelah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). HPB merupakan salah satu daripada 5 inisiatif Sekretariat Majlis Halal Malaysia, JAKIM di bawah Cawangan Inovasi dan Pembangunan Profesionalisme. Fungsi utama HPB adalah dalam Pembangunan Dasar dan pelaksanaan program pembangunan Profesionalisme serta Tenaga Mahir Halal. HPB telah membangunkan Modul Program Latihan Halal seperti Modul Latihan (Halal Eksekutif) dan Modul Latihan Auditor Halal Dalamam untuk memastikan rantaian halal

terjamin di peringkat Industri. Sebanyak 32 Penyedia Latihan Halal telah didaftarkan di bawah HPB (*List Of Registered Halal Training Provider (2018 – 2021), JAKIM*).

## 2.2 Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah satu entiti yang telah diperbadankan pada 1 Januari 2008. SKM dahulunya dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (JPK) dan telah wujud semenjak tahun 1922. Sebagai sebuah entiti yang berfungsi untuk :

- Menggalakkan serta mengekalkan kestabilan sektor koperasi;
- Menggalakkan dan mempromosikan pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur;
- Bertindak sebagai pemegang amanah dan untuk menguruskan apa-apa skim pembiayaan Islam atau kemudahan kredit yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk koperasi;
- Menasihati Menteri mengenai semua perkara yang berhubungan dengan koperasi dan sektor koperasi;
- Menjalankan apa-apa fungsi di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain seperti yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam Warta;
- Bertanggungjawab dalam memantau, menyelia dan mengawal selia koperasi dan sektor koperasi;
- Memelihara nilai dan prinsip koperasi;
- Mendaftar dan membatalkan pendaftaran koperasi;
- Mengadakan persekitaran yang sesuai bagi koperasi menjalankan aktivitinya.

## 2.3 Institut Koperasi Malaysia

Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 (Pindaan) 2011 [Akta A1398] telah memperuntukkan IKM sebagai sebuah institusi yang berfungsi untuk membangun dan mengembangkan latihan dan pendidikan koperasi di negara ini. Fungsi IKM ialah:

- Menyediakan kursus dalam bidang koperasi & penganugerahan diploma;
- Percetakan dan penerbitan dalam bidang koperasi;
- Usaha sama dengan IPT/ badan professional dalam dan luar negara bagi menjalankan kursus koperasi;
- Penyelidikan Bidang Koperasi;
- Khidmat perundingan koperasi; dan
- Menasihati Menteri.

## 2.4 Angkatan Koperasi Malaysia (ANGKASA)

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah didaftarkan pada 12 Mei 1971 di bawah Ordinan Koperatif 33/1948. ANKASA ditubuhkan hasil daripada cadangan Kongres Kerjasama Kedua yang dirasmikan oleh YAB Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua. ANKASA telah diangkat sebagai sebuah koperasi yang mewakili gerakan koperasi seluruh Malaysia. Pada 23 Mei 1996, perisytiharan pengiktirafan ini telah diwartakan. "Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perenggan 57(2)(b) Akta 502 Akta Koperasi 1993, Menteri mengisytiharkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai badan yang mewakili gerakan koperasi Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," menurut [KTPK.(S)07/49/1/9: PN. (PU2) 572/III]. Sebagai badan apex gerakan koperasi negara ANKASA juga turut menganggotai ASEAN Cooperative Organization (ACO) dan International Cooperative Alliance (ICA).

Fungsi utama ANKASA yang terkandung di dalam UUK 11 (1) adalah memastikan matlamatnya (ANGKASA) tercapai dengan memberi perkhidmatan sebagaimana yang diperihalkan dalam Undang-Undang Kecil. Di dalam UUK 11 (2), ANKASA berfungsi untuk :-

- memberi nasihat dan bantuan kepada koperasi ahli dalam perjalanan pengurusan perniagaan mereka;
- menggalakkan kajian penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan Gerakan Koperasi;
- menyediakan dan memberi perkhidmatan nasihat dan panduan berkenaan dengan hal pentadbiran, pengurusan, perakaunan, audit, undang-undang, keusahawanan, skim perlindungan sosial termasuk zakat dan wakaf, kemudahan BPA dan lain-lain perkhidmatan untuk kepentingan koperasi ahli dan gerakan Koperasi amnya;
- memajukan pendidikan, latihan dan penerangan ilmu koperasi, dan ilmu perniagaan, keusahawanan dan perindustrian dalam bidang yang dinyatakan dalam perenggan (o) fasal (1) undang-undang kecil 12;
- membantu Kerajaan untuk menggalakkan dan mengembangkan Gerakan Koperasi dalam Malaysia selaras dengan Dasar Koperasi Negara dan apa-apa dasar Kerajaan berhubungan dengan koperasi;

- mengambil dayausaha dan iniatif bagi menggalakkan dan menjalankan aktiviti-aktiviti dalam bidang sosial dan ekonomi Negara;
- mengadakan atau menerima dan mentadbir kumpulan wang, tabung atau skim khas atau am bagi memajukan Gerakan Koperasi;
- memainkan peranan dan menyelaras, sejauh mana yang munasabah, penjagaan alam sekitar;
- berkhidmat sebagai pusat tumpuan fikiran mengenai segala perkara yang berkaitan dengan Gerakan Koperasi dan mengemukakan fikiran dan pendapat mengenai Gerakan Koperasi kepada mana-mana pihak yang berkaitan;
- mengumpul segala maklumat berkaitan dengan Gerakan Koperasi;
- mempromosi dan mengembang teknik pengurusan dan perniagaan serta penggunaan alat dan teknologi yang canggih;
- melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan dan kebajikan termasuk penubuhan pasukan sukarela di dalam dan luar Malaysia; dan;
- pada amnya membantu dan memudahkan operasi koperasi ahli.

### 3. Pernyataan Masalah

Sebanyak 14.668 buah koperasi di Malaysia dengan jumlah mendaftar keahlian 6,101,716 orang (*Laporan Interim Statistik Gerakan Koperasi Laporan Prestasi Setengah Tahun 2020, Suruhanjaya Koperasi Malaysia*). Setiap koperasi menjalankan aktiviti masing-masing melalui 9 fungsi iaitu perbankan, kredit, pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembinaan, peangkutan dan perkhidmatan (*Summary Statistics Of Co-Operatives By Functions Jun 2020, Suruhanjaya Koperasi Malaysia*). Melalui 9 fungsi ini, pelaksanaan halal dalam aktiviti seperti bidang

pemborongan peruncitan, perhotelan, penternakan, produk makanan, pertanian yang dirasakan amat perlu di titik beratkan status halal bersamanya. Terdapat juga koperasi yang menjalankan aktiviti pengeluaran produk sendiri seperti makanan dan minuman dan juga terlibat pengeluaran produk secara OEM, tetapi masih gagal untuk mendapatkan persijilan halal dan memahami aliran proses untuk persijilan halal.

Perlaksanaan kempen kesedaran halal masih rendah di kalangan badan sokongan koperasi menyebabkan kurangnya pengetahuan dalam industri halal dikalangan sektor koperasi. Kekurangan penganjuran ekspo-eskpo halal koperasi di setiap negeri, kerana setiap ekspo halal untuk penglibatan koperasi yang berpotensi adalah terhad. Selain itu kajian kepada permasalahan pengurusan strategi berkaitan industri Halal yang boleh dirangka kepada badan sokongan badan koperasi di Malaysia masih rendah walaupun ada di antara Pusat Penyedia Halal Berdaftar kebanyakannya adalah Institut Pengajian Tinggi Awam. Sebagai salah satu badan sokongan koperasi, garis panduan pelaksanaan oleh SKM (Suruhanjaya Koperasi Malaysia) hanya tertumpu kepada koperasi kredit berlandaskan Syariah melalui pelaksanaan garis panduan pembiayaan Islam dari koperasi (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, GP7 : *Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam Oleh Koperasi*). Berhubung dengan tuntutan syariat. Kebanyakan pengeluar terdiri daripada orang bukan Muslim dan mereka tidak memahami bahawa halal merupakan satu tuntutan syariat dan wajib dipenuhi oleh pengeluar. Manakala, melalui garis panduan GP 28 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, GP28: *Garis Panduan Tadbir Urus Syariah*) hanyalah memfokuskan kepada mengawal selia koperasi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti berlandaskan Syariah yang merangkumi:

- (a) pembentukan jawatankuasa Syariah; dan
- (b) tadbir urus Syariah koperasi.

dan juga skop aplikasi yang hanyalah terarah kepada kepada koperasi yang menjalankan aktiviti pengantaraan kewangan (financial intermediation) berlandaskan Syariah yang melibatkan koperasi dalam kategori atau menjalankan aktiviti berikut:

- (a) fungsi perbankan;
- (b) fungsi kredit;
- (c) pembiayaan; dan
- (d) Ar-Rahnu.

### 4. Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan sebagai sokongan kepada Industri Halal untuk bersama-sama merangka strategi pengurusan yang berkesan kepada badan sokongan koperasi melalui penglibatan pengkaji dalam bidang koperasi dan Halal. Selain itu objektif kajian melihat kepada pengkajian peranan badan sokongan berautoriti dan seliaan koperasi sebagai penghubung kepada JAKIM. Selain itu kajian melalui mengenalpasti strategi dan pendekatan yang sesuai yang boleh diadaptasi oleh badan sokongan koperasi dalam melaksanakan kefahaman halal kepada koperasi lain.

## 5. Metodologi Kajian

Tujuan metodologi adalah untuk membantu dan memahami dengan lebih luas (terperinci) lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Kajian ini juga dirangka melalui hubungan pembolehubah melalui penglibatan dalam sektor koperasi oleh pengkaji.

## 6. Cadangan Kepada Permasalahan dan Kesimpulan

Agensi dan badan gerakan koperasi perlu bertindak dengan lebih serius kepada pemahaman dan kesedaran berkaitan halal disamping aktiviti perniagaan yang dijalankan. Selain agensi atau badan terlibat, koperasi yang terlibat dengan sektor perlu halal itu sendiri boleh menjadi peneraju kepada koperasi lain melalui kerjasama bersama JAKIM untuk mengadakan kempen kesedaran halal atau ekspo-ekspo halal koperasi di setiap negeri. Selain itu, ahli koperasi secara tidak langsung mendapat serta meningkatkan lagi kefahaman tuntutan syariat. Koperasi juga boleh memohon kepada JAKIM untuk bersedia menjadi Pusat Penyediaan Halal dengan melibatkan ahli koperasi atau koperasi lain untuk tawaran sebagai Halal Executive (HE) untuk bersama-sama memacu bersama gerak kerja halal secara dalaman koperasi. Peranan badan gerakan koperasi seperti Institut Koperasi Malaysia untuk mengadakan seminar atau kursus-kursus pengiktirafan halal JAKIM kepada koperasi-koperasi di seluruh Malaysia. Selain itu badan-badan gerakan koperasi dan juga koperasi yang berdaftar juga boleh mewujudkan Unit Pembangunan Halal masing-masing bertepatan dengan jumlah koperasi yang mencecah ribuan di negara ini. Strategi pengurusan badan sokongan koperasi juga boleh diberi fokus kepada Sektor Perlu Halal (SEPHAL) iaitu Kredit Syariah, tambahan untuk Sektor Pemborongan Peruncitan, Pelancongan Penjagaan Diri dan Kesihatan, Pengguna, Perkhidmatan, Pertanian/Perladangan/Penternakan dan Pengangkutan. Pihak JAKIM juga perlu memberi perhatian kepada sektor koperasi untuk memberi tawaran kepada koperasi yang memohon untuk dijadikan Pusat Penyediaan Halal. Dengan kewujudan ini secara tidak langsung dapat menjalin hubungan antara koperasi melalui perkongsian ilmu halal. Selain itu juga peranan yang juga boleh dimainkan dari penglibatan agensi usahawan seperti MARA, TEKUN, SME CORP, YAPEIM, PNB, PUNB, sekiranya mempunyai matching grant untuk persijilan Halal.

### 6.1 Institut Koperasi Malaysia (IKM)

Memperkasa peranan IKM (Institut Koperasi Malaysia) sebagai salah satu Pusat Penyedia Halal Berdaftar melalui rangkaian IKM yang berada di Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur melalui tenaga pengajar yang sedia ada melalui kursus Tenaga Pengajar Halal atau penganjuran kursus atau seminar pemahaman dan kesedaran berkaitan halal. Peranan IKM juga sebagai Pusat Penyedia Halal yang dapat melahirkan lebih ramai Eksekutif Halal Koperasi atau tenaga mahir halal. Selain itu, IKM juga dapat menjadikan Halal sebagai tambahan modul pengajaran atau silibus akademik. Selain itu, sebagai contoh dapat diwujudkan peringkat pembelajaran Diploma Pengurusan Halal. Bukan sahaja hanya tertumpu kepada seminar permohonan persijilan Halal semata-mata.

### 6.2 Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA)

Memperkasa peranan ANKASA (Angkatan Koperasi Kebangsaan) sebagai salah satu penganjur tetap untuk ekspo-ekspo Halal di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Melalui penglibatan koperasi-koperasi serantau asia dan dunia dalam meluaskan lagi potensi industri Halal di peringkat koperasi antarabangsa.

### 6.3 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Memperkasa peranan SKM sebagai pelaksanaan undang-undang kepada Sektor Perlu Halal (SEPHAL) dari senarai 9 teras fungsi utama yang telah digariskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Selain itu, penekanan Halal dirasakan mampu untuk dimasukkan di dalam Garis Panduan undang-undang SKM selain menjadi rujukan kepada Undang-undang kecil yang akan diguna pakai oleh koperasi lain mengikut Sektor Perlu Halal yang telah digariskan.

## 7. Rujukan

*International Cooperative Alliance ICA, 2019*

*Laporan Interim Statistik Gerakan Koperasi Laporan Prestasi Setengah Tahun 2020, Suruhanjaya Koperasi Malaysia*

*List Of Registered Halal Training Provider (2018 – 2021), JAKIM*

*Summary Statistics Of Co-Operatives By Functions Jun 2020, Suruhanjaya Koperasi Malaysia*

*Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Gp7 : Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam Oleh Koperasi)*

*Suruhanjaya Koperasi Malaysia, GP28: Garis Panduan Tadbir Urus Syariah*